

17/11/1997

Jangan cabul hak negara berdaulat

CHUKAI, Ahad - Ahli kongres Amerika Syarikat tidak berhak mencabuli undang-undang negara ini tambahan mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu, Ahmad Said, berkata Malaysia juga tidak pernah mencampuri undang-undang negara itu.

Katanya, Pemuda Umno negeri yakin Amerika Syarikat akan menimbulkan pelbagai isu untuk menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara di Asia, termasuk Malaysia.

"Pemuda Umno negeri tetap berdiri teguh dan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri menangani masalah yang sengaja ditimbulkan Ahli Kongres Amerika Syarikat itu serta kejatuhan nilai ringgit," katanya kepada Berita Harian selepas merasmi dan menyampaikan hadiah sempena kempen keselamatan jalan raya antara sekolah menengah dan rendah peringkat negeri, di sini, semalam.

(END)